

**AirAsia, Tune Box Tandatangani Perjanjian
Bernama
1 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- AirAsia Bhd menandatangani perjanjian hiburan dalam penerbangan dan penyelesaian sambungan penerbangan dengan Tune Box Avionics Sdn Bhd, bernilai AS\$33.55 juta.

Dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia Selasa, syarikat penerbangan tambang murah itu berkata perjanjian itu adalah bagi tempoh tujuh tahun mulai tarikh kuat kuasa.

"Transaksi ini menawarkan perbelanjaan modal pendahuluan yang rendah berbanding sistem hiburan dalam penerbangan tradisional dan juga menawarkan kemudahan mendapatkan harga terendah sebagai rakan kongsi utama dan pelanggan pelancaran," jelas AirAsia.

Perjanjian ini akan membolehkan AirAsia menawarkan perkhidmatan tambahan dalam penerbangan seperti penjualan pakej perayauan data serta meningkatkan pembelian platform elektronik dan kad kredit dalam talian," katanya

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026750>